

**Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican**

Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican, aged 49 and a Malaysian, was appointed as the Chairman of PETRONAS Gas Berhad on 1 August 1991. A Fellow of the Institute of Chartered Accountants in England and Wales, as well as a member of the Malaysian Institute of Public Accountants and the Malaysian Institute of Certified Public Accountants, he joined PETRONAS in 1989 as Senior Vice-President of Finance. He was appointed President and CEO in February 1995.

Tan Sri Dato' Mohd Hassan is a member of the PETRONAS Board of Directors, and apart from PETRONAS Gas Berhad, he is the Chairman of two other public listed companies under the Group namely PETRONAS Dagangan Berhad and Malaysia International Shipping Corporation Berhad. Tan Sri Dato' Mohd Hassan is the Chairman of Engen Limited, South Africa's leading oil refining and marketing company which is a subsidiary of PETRONAS and also a board member of Premier Oil Plc, a PETRONAS associate company which is listed on the London Stock Exchange.

Beyond PETRONAS, Tan Sri Dato'Mohd Hassan is a board member of the Malaysia-Thailand Joint Authority, which oversees petroleum development in the overlapping area between Malaysia and Thailand. Tan Sri Dato'Mohd Hassan has attended four Board meetings in the financial year.

**Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican**

Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican, seorang warganegara Malaysia berumur 49 tahun, dilantik sebagai Pengerusi PETRONAS Gas Berhad pada 1 Ogos 1991. Beliau ialah Fellow Institute of Chartered Accountants di England dan Wales serta ahli Institut Akauntan Malaysia dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia, beliau berkhidmat dengan PETRONAS pada tahun 1989 sebagai Naib Presiden Kanan Kewangan dan dilantik sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif pada bulan Februari 1995.

Tan Sri Dato' Mohd Hassan adalah seorang ahli Lembaga Pengarah PETRONAS, dan selain PETRONAS Gas Berhad, beliau juga merupakan Pengerusi dua buah syarikat awam yang tersenarai dalam Kumpulan iaitu PETRONAS Dagangan Berhad dan Malaysia International Shipping Corporation Berhad. Tan Sri Dato' Mohd Hassan juga adalah Pengerusi Engen Limited, syarikat penapisan dan pemasaran minyak yang terkemuka di Afrika Selatan, salah sebuah subsidiari PETRONAS dan turut menganggotai Lembaga Pengarah Premier Oil Plc, sebuah syarikat sekutu PETRONAS yang disenaraikan di Bursa Saham London.

Di luar PETRONAS, Tan Sri Dato' Mohd Hassan ialah ahli lembaga pengarah Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand, yang menyelia pembangunan sumber petroleum di kawasan bertindih antara Malaysia dan Thailand. Tan Sri Dato' Mohd Hassan telah menghadiri empat Mesyuarat Lembaga Pengarah PGB dalam tahun kewangan ini.

**Abd Hamid bin Ibrahim**

Abd Hamid bin Ibrahim, aged 54 and a Malaysian, is the Managing Director and Chief Executive Officer of PETRONAS Gas Berhad. He holds a Masters degree in Petroleum Engineering from Heriot-Watt University, Edinburgh, Scotland and a degree in Mining from the Camborne School of Mines, UK. He had also attended the Advance Management Programme, Wharton School of Management, University of Pennsylvania, USA. He joined PETRONAS in 1976 as a Production Engineer in the Production Department and since then has held several managerial positions in the upstream sector until April 1991.

He was MD/CEO of Ethylene Malaysia Sdn. Bhd. and Polyethylene Malaysia Sdn. Bhd. from May 1991-1996 and MD/CEO of Malaysia LNG Sdn. Bhd. and MLNG Dua Sdn. Bhd. from June 1996 prior to his appointment as MD/CEO of PETRONAS Gas Berhad in September 1999.

He has been a member of the PETRONAS Management Committee since July 1996. He is also a board member of various PETRONAS subsidiaries and associate companies. He was appointed to the Board of PETRONAS Gas Berhad on 16 September 1999. Abd. Hamid has attended six Board meetings in the financial year.

**Abd. Hamid bin Ibrahim**

Abd. Hamid bin Ibrahim, seorang warganegara Malaysia berumur 54 tahun, ialah Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS Gas Berhad. Beliau berkelulusan ijazah sarjana Kejuruteraan Petroleum dari Heriot-Watt University, Edinburgh, Scotland dan ijazah Sarjana Muda dalam bidang perlombongan dari Camborne School of Mines, UK. Beliau juga telah mengikuti Program Pengurusan Lanjutan di Wharton School of Management, University of Pennsylvania, USA. Beliau menyertai PETRONAS pada tahun 1976 sebagai Jurutera Pengeluaran dan sejak itu, beliau telah memegang beberapa jawatan pengurusan di sektor huluan hingga bulan April 1991.



Beliau adalah Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Ethylene Malaysia Sdn. Bhd. & Polyethylene Malaysia Sdn. Bhd. dari bulan Mei 1991-1996 dan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia LNG Sdn. Bhd. dan MLNG Dua Sdn. Bhd. dari bulan Jun 1996 hingga pelantikan beliau sebagai Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS Gas Berhad pada bulan September 1999.

Beliau menjadi ahli Jawatankuasa Pengurusan PETRONAS sejak bulan Julai 1996. Beliau juga mengganggotai lembaga pengarah pelbagai subsidiari PETRONAS dan syarikat bersekutu. Beliau dilantik ke Lembaga Pengarah PETRONAS Gas Berhad pada 16 September 1999. Abd. Hamid telah menghadiri enam Mesyuarat Lembaga Pengarah PGB dalam tahun kewangan ini.



**Dato'Sadasi van s/o N. N. Pillay**

Dato'Sadasivan s/o N.N. Pillay, aged 62 and a Malaysian, is an Independent Non-Executive Director and the Chairman of the Board Audit Committee. A graduate in Economics from University of Malaya in 1963, he started his early career with the Economic Development Board Singapore upon graduation till 1967. In 1968, he joined the Malaysian Industrial Development Authority (MIDA) and was appointed the Director-General of MIDAin 1984. He served in that capacity until his retirement in 1995. Upon retirement, he set up SKA Management Consultants Sdn. Bhd. where he is the Executive Chairman.

He holds directorship in Chemical Company Of Malaysia Berhad, Amanah Capital Partners Berhad, Leader Universal Holdings Berhad, APM Automotive Holdings Berhad, Malaysian Airline System Berhad, Bukit Katil Resources Berhad, seven private companies and two government financial institutions. He was appointed to the Board of PETRONAS Gas Berhad on 29 August 1995. Dato' Sadasivan has attended five Board meetings in the financial year.

**Dato'Sadasi van a/l N. N. Pillay**

Dato' Sadasivan a/l N.N Pillay, seorang warganegara Malaysia berumur 62 tahun, ialah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah. Beliau ialah graduan dalam bidang Ekonomi dari Universiti Malaya pada tahun 1963, beliau memulakan kerjaya awalnya dengan Lembaga Pembangunan Ekonomi Singapura selepas memperoleh ijazahnya hingga tahun 1967. Pada tahun 1968, beliau berkhidmat di Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan telah dilantik sebagai Ketua Pengarah MIDApada tahun 1984 sehingga bersara pada tahun 1995. Setelah bersara, beliau menubuhkan SKA Management Consultants Sdn. Bhd. Di mana beliau sendiri selaku Pengerusi Eksekutifnya.

Beliau memegang jawatan pengarah di Chemical Company of Malaysia Berhad, Amanah Capital Partners Berhad, Leader Universal Holdings Berhad, APM Automotive Holdings Berhad, Malaysian Airline System Berhad, Bukit Katil Resources Berhad, tujuh syarikat swasta dan dua institusi kewangan kerajaan. Beliau dilantik ke Lembaga Pengarah PETRONAS Gas Berhad pada 29 Ogos 1995. Dato' Sadasivan telah menghadiri lima Mesyuarat Lembaga Pengarah PGB dalam tahun kewangan ini.

**Chew Kong Seng**

Chew Kong Seng, aged 64 and a Malaysian, is an Independent Non-Executive Director and a member of the Board Audit Committee. He is a Fellow of the Institute of Chartered Accountants in England and Wales and a Member of the Malaysian Institute of Certified Public Accountants and Malaysian Institute of Accountants. His career started off as a tax officer in the Inland Revenue Department in the United Kingdom and Stoy Hayward & Co. in United Kingdom from 1964 to1970. He returned to Malaysia to join Turquand Young & Co. (now known as Ernst & Young) and subsequently transferred to Sarawak office in 1973, first as Manager-in-Charge and later as Partner-in-Charge. He was appointed as the Managing Partner of Ernst & Young before he retired from the professional practice in 1996.

His experience covers a wide variety of industries including banking and financial institutions, timber-based, manufacturing, trading and foreign investors. He is an executive director of Sarawak Enterprise Corporation Berhad and the Deputy Chairman of Sarawak Electricity Supply Corporation. He is also an Independent Director and Audit Committee Chairman of two other public listed companies namely, PETRONAS Dagangan Berhad and Industrial Concrete Products Berhad. He also acts as Independent Director and holds Audit Committee positions in several other public limited companies. He was appointed to the Board of PETRONAS Gas Berhad on 18 March 1999. Chew has attended six Board meetings



**Chew Kong Seng**

Chew Kong Seng, seorang warganegara Malaysia berumur 64 tahun, ialah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan ahli Jawatankuasa Audit. Beliau ialah Fellow Institut Akauntan Berkanun di England dan Wales dan ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia. Beliau memulakan kerjaya sebagai pegawai cukai di Jabatan Hasil Dalam Negeri di United Kingdom dan Stoy Hayward & Co. di United Kingdom dari tahun 1964 hingga 1970. Beliau kembali ke Malaysia untuk berkhidmat dengan Turquand Young & Co, (kini dikenali sebagai Ernst & Young) dan seterusnya dipindahkan ke pejabat di Sarawak pada tahun 1973, pada mulanya sebagai Pengurus Bertugas dan kemudian sebagai Rakan Kongsi Bertugas. Beliau dilantik sebagai Rakan Kongsi Pengurusan Ernst & Young sebelum bersara daripada amalan profesional pada tahun 1996.

Pengalaman beliau meliputi pelbagai industri termasuk institusi perbankan dan kewangan, industri berasaskan kayu, pengeluaran, perdagangan dan pelabur asing. Beliau ialah Pengarah Eksekutif Sarawak Enterprise Corporation Berhad dan Timbalan Pengerusi Sarawak Electricity Supply Corporation. Beliau juga merupakan pengarah bagi dua buah lagi syarikat yang disenarai awam, iaitu PETRONAS Dagangan Berhad dan Industrial Concrete Products Berhad. Beliau juga merupakan Pengarah Bebas dan menganggotai Jawatankuasa Audit dalam beberapa syarikat awam berhad. Beliau dilantik ke Lembaga Pengarah PETRONAS Gas Berhad pada 18 Mac 1999. Chew telah menghadiri enam Mesyuarat Lembaga Pengarah PETRONAS Gas Berhad dalam tahun kewangan ini.



**Datuk Mohd Zain bin Abdul Majid**

Datuk Mohd Zain bin Abdul Majid, aged 63 and a Malaysian, is an Independent Non-Executive Director and a member of the Audit Committee. He was a graduate in Economics from the University of Glasgow and in Law from the University of London and a Fellow of the Economic Development Institute of IBRD in Washington. He had also attended the Senior Executive programme at London Business School.

He served for 37 years in several positions in the public and private sectors before retiring at the end of 1999. He was the Director-General of the Malaysian Industrial Development Authority, Executive Chairman of the Urban Development Authority, Chief Executive of the Malaysian Employers Federation and was executive and non-executive director of various companies in the manufacturing, finance and property sectors. He has been a director of Malaysia LNG Sdn Bhd since 1982. He was appointed to the Board of PETRONAS Gas Berhad on 6 March 2002.

**Datuk Mohd Zain bin Abdul Majid**

Datuk Mohd Zain bin Abdul Majid, seorang warganegara Malaysia berumur 63 tahun, ialah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah. Beliau merupakan lulusan Ekonomi dari University of Glasgow dan Undang-Undang dari University of London serta Fellow Economic Development Institute of IBRD di Washington. Beliau pernah menghadiri program Eksekutif di London Business School.

Beliau telah berkhidmat selama 37 tahun dalam pelbagai jawatan di sektor awam dan swasta sebelum bersara pada penghujung tahun 1999. Beliau pernah menjawat jawatan Ketua Pengarah Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia, Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Bandar, Ketua Eksekutif Persekutuan Majikan Malaysia serta pengarah eksekutif dan bukan eksekutif untuk pelbagai syarikat di sektor pembuatan, kewangan dan hartanah. Beliau menjadi pengarah Malaysia LNG Sdn Bhd sejak 1982. Datuk Mohd Zain dilantik ke Lembaga Pengarah PGB pada 6 Mac 2002.

**Dato' Mohamad Idris bin Mansor**

Dato' Mohamad Idris bin Mansor, aged 57 and a Malaysian, was appointed Senior Vice-President and Board Member of PETRONAS on 1 October 1993. He holds the Associateship of Camborne School of Mines (ACSM), an M.Sc (Mining Geology and Exploration) from University of Leicester, UK and an M.S. in Petroleum Engineering from the University of Tulsa, Oklahoma, USA. He was conferred an Honorary Degree of Doctor of Science by the University of Exeter, UK in July 1998.

He joined PETRONAS in February 1976 as a Petroleum Engineer with the Production Department. In the ensuing years, he has held several senior managerial positions in the upstream sector. He served as the Chief Executive Officer of PETRONAS Carigali Sdn. Bhd., a wholly owned subsidiary of PETRONAS from 15 December 1989 until 31 October 2000. He is currently Senior Vice-President, Exploration & Production Business.

He is also a board member of various PETRONAS subsidiaries and associate companies both in Malaysia and overseas. He was appointed to the Board of PETRONAS Gas Berhad on 1 April 1986. Dato'Mohamad Idris has attended five Board meetings in the financial year.

**Dato' Mohamad Idris bin Mansor**

Dato'Mohamad Idris bin Mansor, seorang warganegara Malaysia berumur 57 tahun, dilantik Naib Presiden Kanan dan Ahli Lembaga Pengarah PETRONAS pada 1 Oktober 1993. Beliau memiliki Associateship of Camborne School of Mines (ACSM), ijazah Sarjana Sains Geologi Perlombongan dan Carigali dari University of Leicester, UK dan ijazah Sarjana Sains Kejuruteraan Petroleum dari University of Tulsa, Oklahoma, USA. Beliau dianugerahkan ijazah kehormat Doktor Sains oleh University of Exeter, UK pada bulan Julai 1998.



Beliau berkhidmat dengan PETRONAS pada bulan Februari 1976 sebagai Jurutera Petroleum di Jabatan Pengeluaran. Pada tahun-tahun berikutnya, beliau telah memegang beberapa jawatan pengurusan kanan di sektor huluan. Beliau berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS Carigali Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat milik penuh penuh PETRONAS dari 15 Disember 1989 hingga 31 Oktober 2000. Beliau kini merupakan Naib Presiden Kanan, Perniagaan Carigali dan Pengeluaran.

Beliau juga menganggotai lembaga pengarah pelbagai subsidiari PETRONAS dan syarikat bersekutu di Malaysia dan luar negara. Beliau dilantik ke Lembaga PETRONAS Gas Berhad pada 1 April 1986. Dato'Mohamad Idris telah menghadiri lima Mesyuarat Lembaga Pengarah PGB dalam tahun kewangan ini.



**Dato' Hamzah bin Bakar**
Dato Hamzah bin Bakar, aged 58 and a Malaysian, is the Special Advisor to the President of PETRONAS. He holds a Bachelor of Science (Hons) degree in Economics from Queen s University of Belfast, UK and a Master of Arts degree in Public Policy and Administration (majoring in Development Economics) from the University of Wisconsin, USA. Prior to joining PETRONAS in June 1980, he had served in the Economic Planning Unit of the Prime Minister s Department for 12 years. He presently holds directorships in Khazanah Nasional Berhad, iPerintis Sdn. Bhd., MISC Berhad, Tenaga Nasional Berhad, Commerce International Merchant Bank and Renong Berhad. He was appointed to the Board of PETRONAS Gas Berhad on 1 April 1986 and resigned on 1 April 2002. Dato Hamzah has attended six Board meetings in the financial year.

**Dato' Hamzah bin Bakar**
Dato Hamzah bin Bakar, seorang warganegara Malaysia berumur 58 tahun, ialah merupakan Penasihat Khas kepada Presiden PETRONAS. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam bidang Ekonomi dari Queen s University of Belfast, UK dan ijazah sarjana Sastera dalam bidang Dasar dan Pentadbiran Awam (pengkhususan dalam bidang Ekonomi Pembangunan) dari University of Wisconsin, USA. Sebelum menyertai PETRONAS pada bulan Jun 1980, beliau berkhidmat di Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri selama 12 tahun. Pada masa kini, beliau ialah ahli Lembaga Pengarah di Khazanah Nasional Berhad, iPerintis Sdn Bhd., MISC Berhad, Tenaga Nasional Berhad, Commerce International Merchant Bank dan Renong Berhad. Beliau dilantik ke Lembaga Pengarah PETRONAS Gas Berhad pada 1 April 1986 dan meletak jawatan pada 1 April 2002. Dato Hamzah telah menghadiri enam Mesyuarat Lembaga Pengarah PGB dalam tahun kewangan ini.



**Muri bin Muhammad**
Muri bin Muhammad, aged 59 and a Malaysian, is the Vice-President of Gas Business of PETRONAS. He holds a Master of Science in Biological Oceanography from the Dalhousie University, Canada. He started his career with PETRONAS as a General Manager, Marketing Division of PETRONAS and was the Senior General Manager, Refining and Marketing Sector.

In the ensuing years, he has served as the Managing Director and Chief Executive Officer of ASEAN Bintulu Fertilizer Sdn. Bhd. and Malaysia LNG Sdn. Bhd. He is a director of the Australian Pipeline Trust (APT), a public listed Australian pipeline company. He is also on the Board of several PETRONAS subsidiaries and holds the position of the Chairman of the Board of the Gas District Cooling group of companies, PETRONAS NGV Sdn. Bhd., PETRONAS Gas Supply Labuan and OGP Technical Services Sdn Bhd. He was appointed to the Board of PETRONAS Gas Berhad on 25 November 1996. Muri has attended five Board meetings in the financial year.

**Muri bin Muhammad**
Muri bin Muhammad, seorang warganegara Malaysia berumur 59 tahun, ialah Naib Presiden bagi Perniagaan Gas PETRONAS. Beliau berkelulusan ijazah Sarjana Sains dalam bidang Oseanografi Biologi dari Dalhousie University, Kanada. Beliau memulakan kerjaya dengan PETRONAS sebagai Pengurus Besar, Bahagian Pemasaran PETRONAS dan kemudian sebagai Pengurus Besar Kanan, Sektor Penapisan dan Pemasaran.

Pada tahun-tahun berikutnya, beliau berkhidmat sebagai Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif ASEAN Bintulu Fertilizer Sdn. Bhd. dan Malaysia LNG Sdn. Bhd. Beliau ialah pengarah Australian Pipeline Trust (APT), sebuah syarikat saluran paip Australia yang disenarai awam. Beliau juga merupakan anggota Lembaga bagi beberapa syarikat subsidiari PETRONAS dan memegang jawatan Pengerusi Lembaga kumpulan syarikat Gas District Cooling, PETRONAS NGV Sdn. Bhd., PETRONAS Gas Supply Labuan dan OGP Technical Services Sdn Bhd. Beliau dilantik ke Lembaga Pengarah PETRONAS Gas Berhad pada 25 November 1996. Muri telah menghadiri lima Mesyuarat Lembaga Pengarah PGB dalam tahun kewangan ini.

**Mohammed Azhar bin Osman Khairuddin**

Mohammed Azhar bin Osman Khairuddin, aged 46 and a Malaysian, is a Non-Independent Non-Executive Director and a member of the Board Audit Committee. He is also the Company Secretary of PETRONAS and a member of its Management Committee. He holds an LLB (Honours) degree from the University of Malaya. He is also a member of the International Bar Association (IBA) as well as the Inter-Pacific Bar Association (IPBA).

He started his career with PETRONAS in 1979 as a legal officer. Under his current position, he is in charge of three main areas of PETRONAS group operations namely, Legal Services Unit, Corporate Affairs Unit and Facilities Management & Services Unit. He was appointed to the Board of PETRONAS Gas Berhad on 9 May 1995. Mohammed Azhar has attended four Board meetings in the financial year.



**Mohammed Azhar bin Osman Khairuddin**

Mohammed Azhar bin Osman Khairuddin, seorang warganegara Malaysia berumur 46 tahun ialah Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif dan ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah. Beliau juga adalah Setiausaha Syarikat PETRONAS dan ahli Jawatankuasa Pengurusan PETRONAS. Beliau berkelulusan ijazah LLB (Kepujian) dari Universiti Malaya. Beliau ialah ahli International Bar Association (IBA) dan juga Inter-Pacific Bar Association (IPBA).

Beliau memulakan kerjaya dengan PETRONAS pada tahun 1979 sebagai pegawai undang-undang. Di bawah jawatannya sekarang, beliau bertanggungjawab terhadap tiga bidang utama dalam operasi kumpulan PETRONAS, iaitu Perkhidmatan Undang-Undang, Unit Hal Ehwal Korporat serta Unit Perkhidmatan dan Pengurusan Kemudahan. Beliau dilantik ke Lembaga Pengarah PETRONAS Gas Berhad pada 9 Mei 1995. Mohammed Azhar telah menghadiri empat Mesyuarat Lembaga Pengarah PGB dalam tahun kewangan ini.

None of the Directors has:

- Any family relationship with any Director and/or major shareholder.
- Any conflict of interest with PETRONAS Gas Berhad.
- Any conviction for offences within the past 10 years other than traffic offences.

All of the Directors are members of Remuneration and Nomination Committee.

Tidak seorang pun Pengarah mempunyai:

- Sebarang hubungan dengan mana-mana Pengarah atau Pemegang Saham utama.
- Sebarang kepentingan bercanggah dengan PETRONAS Gas Berhad.
- Sebarang yang disabitkan dengan apa-apa kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu.

Kesemua Pengarah adalah ahli Jawatankuasa Ganjaran dan Penamaan.



**Front - from left to right/Hadapan - dari kiri ke kanan**
**Nur Iskandar bin Abdul Samad, Abd. Hamid bin Ibrahim, Basharuddin bin Saad, Ungku Ainon binti Ungku Tahir, Raja Dzahiruddin bin Raja Zainal Abidin**
**Back - from left to right/Belakang - dari kiri ke kanan**
**Abdul Rahman bin Haji Hussein, Mohd Noor bin Osman, Syed Mohd Kamal Alhabshi bin Syed Abdul Rahman, Ibrahim bin Johari**

# *Management Committee*
## *Jawatankuasa Pengurusan*

**Abd Hamid bin Ibrahim**
Managing Director/Chief Executive Officer
Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif

**Nur Iskandar bin Abdul Samad**
General Manager, Plant Operations Division
Pengurus Besar, Bahagian Operasi Loji

**Ibrahim bin Johari**
General Manager, Transmission Operations Division
Pengurus Besar Bahagian Operasi Penyaluran

**Basharuddin bin Saad**
General Manager, Finance Division
Pengurus Besar, Bahagian Kewangan

**Raja Dzahiruddin bin Raja Zainal Abidin**
General Manager, Technical & Facilities Development Division
Pengurus Besar, Bahagian Pembangunan Kemudahan dan Teknikal

**Ungku Ainon binti Ungku Tahir**
General Manager, Corporate and Commercial Services Division
Pengurus Besar, Bahagian Perkhidmatan Korporat dan Komersil

**Syed Mohd Kamal Alhabshi bin Syed Abdul Rahman**
General Manager, Centralised Utility Facilities Operations Division
Pengurus Besar, Bahagian Operasi Kemudahan Utiliti Berpusat

**Mohd Noor bin Osman**
Senior Manager, Human Resource Management and Administration Department
Pengurus Kanan, Jabatan Pengurusan Sumber Tenaga Manusia dan Pentadbiran

**Abdul Rahman bin Haji Hussein**
Manager, Corporate Health, Safety and Environment Department
Pengurus, Jabatan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar Korporat



**Abd Hamid bin Ibrahim**
Abd Hamid bin Ibrahim, aged 54, is the Managing Director and Chief Executive Officer of PETRONAS Gas Berhad. He holds a Masters degree in Petroleum Engineering from Heriot-Watt University, Edinburgh, Scotland and a degree in Mining from the Camborne School of Mines, UK. He had also attended the Advance Management Programme, Wharton School of Management, University of Pennsylvania, USA. He joined PETRONAS in 1976 as a Production Engineer in the Production Department and since then has held several managerial positions in the upstream sector until April 1991.

He was MD/CEO of Ethylene Malaysia Sdn. Bhd. and Polyethylene Malaysia Sdn. Bhd. from May 1991-1996 and MD/CEO of Malaysia LNG Sdn. Bhd. and MLNG Dua Sdn. Bhd. from June 1996 prior to his appointment as MD/CEO of PETRONAS Gas Berhad in September 1999.

He has been a member of the PETRONAS Management Committee since July 1996. He is also a board member of various PETRONAS subsidiaries and associate companies. He was appointed to the Board of PETRONAS Gas Berhad on 16 September 1999. Abd. Hamid has attended six Board meetings in the financial year.

**Abd. Hamid bin Ibrahim**
Abd. Hamid bin Ibrahim, 54 tahun, ialah Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS Gas Berhad. Beliau berkelulusan ijazah Sarjana Kejuruteraan Petroleum dari Heriot-Watt University, Edinburgh, Scotland and ijazah Sarjana Muda dalam bidang perlombongan dari Camborne School of Mines, UK. Beliau juga telah mengikuti Program Pengurusan Lanjutan di Wharton School of Management, University of Pennsylvania, USA. Beliau menyertai PETRONAS pada tahun 1976 sebagai Jurutera Pengeluaran dan sejak itu, beliau telah memegang beberapa jawatan pengurusan di sektor huluan hingga bulan April 1991.

Beliau adalah Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Ethylene Malaysia Sdn. Bhd. & Polyethylene Malaysia Sdn. Bhd. dari bulan Mei 1991-1996 dan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia LNG Sdn. Bhd. dan MLNG Dua Sdn. Bhd. dari bulan Jun 1996 hingga pelantikan beliau sebagai Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS Gas Berhad pada bulan September 1999.

Beliau menjadi ahli Jawatankuasa Pengurusan PETRONAS sejak bulan Julai 1996. Beliau juga mengganggotai lembaga pengarah pelbagai subsidiari PETRONAS dan syarikat bersekutu. Beliau dilantik ke Lembaga Pengarah PETRONAS Gas Berhad pada 16 September 1999. Abd. Hamid telah menghadiri enam Mesyuarat Lembaga Pengarah PGB dalam tahun kewangan ini.



**Nur Iskandar bin Abdul Samad**
Nur Iskandar bin Abdul Samad, 44 is the General Manager of the Plant Operations Division. He joined PETRONAS in December 1980 before joining Malaysia LNG Sdn. Bhd. in 1987 as its Head of Terminal Operations until 1989. In 1989, he joined Polypropylene (M) Sdn. Bhd. and MTBE Malaysia Sdn. Bhd. specialising in project management and plant operations where he served a total of 12 years. At MTBE, he held several Senior Managerial positions before leaving for PGB. He assumed his current position in November 2001. He holds a degree in Chemical Engineering from the Leeds University, UK.

**Nur Iskandar bin Abdul Samad**
Nur Iskandar bin Abdul Samad, 44, ialah Pengurus Besar Bahagian Operasi Loji PGB. Beliau berkhidmat dengan PETRONAS pada bulan Disember 1980 sebelum menyertai Malaysia LNG Sdn. Bhd. pada tahun 1987 sebagai Ketua Terminal sehingga tahun 1989. Pada tahun 1989, beliau menyertai Polypropylene (M) Sdn. Bhd. dan MTBE Malaysia Sdn. Bhd., pengkhususan dalam pengurusan projek dan operasi loji di mana beliau bertugas selama 12 tahun. Di MTBE, beliau menjawat beberapa jawatan Pengurusan Kanan sebelum menyertai PGB. Beliau menjawat jawatannya sekarang pada bulan November 2001. Beliau berkelulusan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia dari Leeds University, UK.



**Ibrahim bin Johari**
Ibrahim bin Johari, 51, is the General Manager of the Transmission Operations Division. He joined PETRONAS in January, 1979 and has wide experience in gas processing and transmission operations. He was Manager of Plant Operations in Kertih, Terengganu from 1984 to 1991. He then held the position as Senior Manager, Gas Transmission Operations at the Segamat Operations Centre from 1991 to 1995 and was promoted as General Manager Transmission Operation/Project for the Peninsular Gas Pipeline Project 3 (PGU III). In April 1996, he was appointed the General Manager of PETRONAS Methanol Labuan Sdn. Bhd. prior to assuming his current position in November 1999.

He holds an Advanced Diploma in Mechanical Engineering from Institut Teknologi MARA (ITM) in 1978 and a post-graduate Diploma in Gas Engineering from the Institute of Gas Technology (IGT), Chicago, USA in 1980.

**Ibrahim bin Johari**
Ibrahim bin Johari, 51, ialah Pengurus Besar Bahagian Operasi Penyaluran PGB. Beliau berkhidmat dengan PETRONAS pada bulan Januari 1979 dan berpengalaman luas dalam operasi pemprosesan dan penyaluran gas. Beliau ialah Pengurus Operasi Loji di Kertih, Terengganu dari 1984 hingga 1991. Kemudian, beliau menjawat jawatan Pengurus Kanan Operasi Penyaluran Gas di Pusat Operasi Segamat dari tahun 1991 hingga 1995 dan dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar Operasi/Projek Penyaluran bagi Projek Saluran Paip Gas Semenanjung 3 (PGU III). Pada bulan April 1996, beliau dilantik sebagai Pengurus Besar PETRONAS Methanol Labuan Sdn. Bhd. sebelum menjawat jawatan sekarang pada bulan November 1999.

Beliau berkelulusan Diploma Lanjutan Kejuruteraan Mekanikal dari Institut Teknologi MARA (ITM) pada tahun 1978 dan Diploma lepas-ijazah dalam bidang Kejuruteraan Gas dari Institute of Gas Technology (IGT), Chicago, USA pada tahun 1980.



**Basharuddin bin Saad**

Basharuddin bin Saad, 47, is the General Manager of the Finance Division and the Company Secretary of PGB. He joined PETRONAS in 1980 and has held various positions in the areas of Finance and Accounts, Planning, Treasury, Project Management and Systems Development. He served as Senior Manager, Finance and Accounts with PETRONAS Carigali Sdn. Bhd. from 1990 to 1996, after which he assumed his current position in PGB. Basharuddin worked in a utility corporation and a bank prior to joining PETRONAS. He is a Fellow of the Association of Certified Accountants (UK), a Member of the Malaysian Institute of Certified Public Accountants and the Malaysian Institute of Accountants. He also holds a degree in Law from the University of London and a Certificate of Legal Practice from the Qualifying Board, Malaysia.

**Basharuddin bin Saad**

Basharuddin bin Saad, 47, ialah Pengurus Besar Bahagian Kewangan dan juga Setiausaha Syarikat PGB. Beliau berkhidmat dengan PETRONAS pada tahun 1980 dan memegang pelbagai jawatan dalam bidang Kewangan dan Akaun, Perancangan, Perbendaharaan, Pengurusan Projek dan Pembangunan Sistem. Beliau bertugas sebagai Pengurus Kanan Kewangan dan Akaun di PETRONAS Carigali Sdn. Bhd. dari tahun 1990 hingga 1996 dan selepas itu beliau menjawat jawatannya sekarang di PGB. Basharuddin bertugas di syarikat utiliti dan bank sebelum menyertai PETRONAS. Beliau ialah Fellow Association of Certified Accountants (UK), Ahli Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia. Beliau juga pemegang ijazah Undang-Undang University of London dan Sijil Amalan Guaman dari Lembaga Kelayakan Malaysia.



**Raja Dzahiruddin bin Raja Zainal Abidin**

Raja Dzahiruddin bin Raja Zainal Abidin, 55, is the General Manager of Technical Facilities Development Division. He joined PETRONAS in 1980 as a Project Engineer with Malaysia LNG Sdn. Bhd. In 1983, he was appointed Head of Terminal Operations, Malaysia LNG Sdn. Bhd. until 1987. Raja Dzahiruddin was the Safety Engineer with the Corporate Engineering and Safety Unit, PETRONAS before being assigned to the Malaysia LNG Dua Sdn. Bhd. Project Team in 1990 as the Senior Project Engineer. He then held the position of Construction Manager from 1992 until 1995 when he was promoted to Senior Manager, Plant Projects Department, then PETRONAS Gas Sdn. Bhd. prior to assuming his current position in April 1997. Raja Dzahiruddin holds a Chemical Engineering degree from the Cologne Technical College in Germany.

**Raja Dzahiruddin bin Raja Zainal Abidin**

Raja Dzahiruddin bin Raja Zainal Abidin, 55, ialah Pengurus Besar Bahagian Pembangunan Kemudahan Teknikal PGB. Beliau berkhidmat dengan PETRONAS pada tahun 1980 sebagai Jurutera Projek, Malaysia LNG Sdn. Bhd. Pada tahun 1983, beliau dilantik sebagai Ketua Operasi Terminal, Malaysia LNG Sdn. Bhd. sehingga tahun 1987. Raja Dzahiruddin dilantik sebagai Jurutera Keselamatan dengan Unit Keselamatan dan Kejuruteraan Korporat PETRONAS sebelum ditugaskan ke Kumpulan Projek Malaysia LNG Dua Sdn. Bhd. pada tahun 1990 sebagai Jurutera Kanan Projek. Beliau memegang jawatan Pengurus Pembinaan dari 1992 hingga 1995 dan kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Kanan Jabatan Projek Loji, pada masa itu PETRONAS Gas Sdn Bhd, sebelum menjawat jawatannya sekarang pada bulan April 1997. Beliau berkelulusan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia dari Cologne Technical College di Jerman.



**Ungku Ainon binti Ungku Tahir**

Ungku Ainon binti Ungku Tahir, 47, is the General Manager of Corporate and Commercial Services Division. She joined PETRONAS in 1981 with the Training and Manpower Development Department and later served in the Finance and Services Division. In 1986, she joined the Planning, Budgeting and Information Services Division as a Senior Planning Analyst. Two years later, in 1988, she was appointed as a Team Leader in the Management Information Systems Department, PETRONAS. In 1989, she was promoted as Manager of the Planning and Implementation Coordination Unit, Corporate Planning, PETRONAS and in 1992, she became Senior Manager, Industry Research and Information Unit, Corporate Planning and Development Division. She assumed her current position in April 2000. Ungku Ainon holds a degree in Computer Science from the Indiana University, USA and a Masters Degree in Management from Marshall University, USA.

Ungku Ainon binti Ungku Tahir, 47, ialah Pengurus Besar Bahagian Perkhidmatan Korporat dan Komersil. Beliau berkhidmat dengan PETRONAS pada tahun 1981 di Jabatan Latihan dan Pembangunan Tenaga Manusia dan kemudiannya berkhidmat di Bahagian Kewangan dan Perkhidmatan Maklumat. Pada tahun 1986, beliau bertugas di Bahagian Perkhidmatan Perancangan, Belanjawan dan Maklumat sebagai Juruanalisis Kanan Perancangan. Pada tahun 1988, beliau dilantik sebagai Ketua Kumpulan di Jabatan Sistem Pengurusan Maklumat, PETRONAS. Pada tahun 1989, beliau dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Unit Perancangan dan Penyelarasan Perlaksanaan Perancangan Korporat, PETRONAS dan pada tahun 1992, beliau dilantik sebagai Pengurus Kanan Unit Penyelidikan dan Maklumat Industri, Bahagian Perancangan dan Pembangunan Korporat. Beliau menjawat jawatannya sekarang pada bulan April 2000. Beliau berkelulusan ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dari Indiana University, USA dan ijazah Sarjana dalam bidang Pengurusan dari Marshall University, USA.



**Syed Mohd Kamal Alhabshi bin Syed Abdul Rahman**

Syed Mohd Kamal Alhabshi bin Syed Abdul Rahman, 46, is the General Manager of the Centralised Utility Facilities Operations Division (CUF). He joined PGB in 1981 during the design and construction phase of the first Gas Processing Plant (GPP) in Kertih, Malaysia and was later assigned to operate the plant. During the expansion phase of the GPPs he was the Lead Commissioning Engineer for GPP 2. In 1995 he joined the Project Team to work on the GPPs 5 & 6 conceptual and basic design. He was promoted to Operations Manager of the GPPs 1, 2, 3 & 4, a position he held until 1997 when he assumed the position of Project Manager of the Centralised Utility Facilities (CUF) for Kertih and Gebeng. He took on his current position in August 2000. Syed Mohd Kamal holds a diploma and an Advanced Diploma in Mechanical Engineering from Institut Teknologi Mara (ITM).

Syed Mohd Kamal Alhabshi bin Syed Abdul Rahman, 46, ialah Pengurus Besar Bahagian Operasi Kemudahan Utiliti Berpusat (CUF) PGB. Beliau berkhidmat dengan PETRONAS Gas pada tahun 1981 semasa fasa rekabentuk dan pembinaan Loji Memproses Gas (GPP) yang pertama di Kertih dan kemudian ditugaskan mengendalikan loji tersebut. Semasa fasa pembesaran GPP, beliau ialah Ketua Jurutera Pentauliahan bagi GPP 2. Pada tahun 1995, beliau menyertai Kumpulan Projek yang merekabentuk konsep dan asas GPP 5 & 6. Beliau dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Operasi GPP 1, 2, 3 & 4, jawatan yang dipegang sehingga tahun 1997 apabila beliau menjawat jawatan Pengurus Projek Kemudahan Utiliti Berpusat (CUF) untuk Kertih dan Gebeng. Beliau menjawat jawatannya sekarang pada bulan Ogos 2000. Beliau berkelulusan diploma dan diploma lanjutan Kejuruteraan Mekanikal dari Institut Teknologi MARA (ITM).



**Mohd Noor bin Osman**

Mohd Noor bin Osman, 49, is the Senior Manager of the Human Resource Management and Administration Department. He has 27 years experience in Human Resource Management . He joined PETRONAS in 1975 and has served in various capacities including Senior Manager of Planning and Policy, Planning and Development, Job Evaluation, Recruitment, Administration and Education. He was the Senior Manager of Ethylene Malaysia Sdn. Bhd. for six years from 1994 until 2000. He assumed his current position in September 2001. Mohd Noor holds a Masters degree in Human Resource Management from the University of Strathclyde, UK.

**Mohd Noor bin Osman**

Mohd Noor bin Osman, 49, ialah Pengurus Kanan Jabatan Pengurusan dan Pentadbiran Sumber Manusia PGB. Beliau mempunyai pengalaman selama 27 tahun dalam Pengurusan Sumber Manusia. Beliau berkhidmat dengan PETRONAS pada tahun 1975 dan bertugas di pelbagai jawatan termasuklah Pengurus Kanan Perancangan dan Polisi, Perancangan dan Pembangunan, Penilaian Kerja, Pengambilan Kakitangan, Pentadbiran dan Pendidikan. Beliau bertugas di Ethylene Malaysia Sdn Bhd sebagai Pengurus Kanan selama enam tahun dari tahun 1994 hingga tahun 2000. Beliau menjawat jawatannya sekarang pada bulan September 2001. Mohd Noor berkelulusan ijazah Sarjana Pengurusan Sumber Manusia dari University of Strathclyde, UK.



**Abdul Rahman bin Haji Hussein**

Abdul Rahman bin Haji Hussein, 44, is the Manager of the Corporate Health, Safety & Environment Department. His career in PETRONAS started at the PETRONAS Penapisan Terengganu Sdn. Bhd. (PPTSB) in 1984 as its Analytical Chemist. He continued to serve PPTSB as its Process Technologist and Production Planner until 1990 when he joined PGB as Head of Production Planning with the Plant Operations Division (POD) in Kertih. In 1995, he was appointed as Head of Quality Management, POD and in the following year as Manager, HSE and Quality Management Department in the Transmission Operations Division (TOD). He took on his current position in April 2000. Abdul Rahman graduated from the University of Northumbria, Newcastle upon Tyne, UK with a degree in Applied Chemistry.

**Abdul Rahman bin Haji Hussein**

Abdul Rahman bin Haji Hussein, 44, ialah Pengurus Jabatan Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar Korporat PGB. Kerjayanya di PETRONAS bermula di PETRONAS Penapisan Terengganu Sdn. Bhd. (PPTSB) pada tahun 1984 sebagai Ahli Kimia Analitikal. Beliau meneruskan perkhidmatannya di PPTSB sebagai Ahli Teknologi Proses dan Perancang Pengeluaran sehingga tahun 1990 dan menyertai PGB sebagai Ketua Perancangan Pengeluaran di Bahagian Operasi Loji (POD) di Kertih. Pada tahun 1995, beliau dilantik sebagai Ketua Pengurusan Kualiti, POD dan pada tahun berikutnya sebagai Pengurus, Jabatan Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar dan Pengurusan Kualiti di Bahagian Operasi Penyaluran (TOD). Beliau menjawat jawatannya sekarang pada bulan bulan April 2002. Beliau berkelulusan ijazah Sarjana Muda Kimia Gunaan dari University of Northumbria, Newcastle upon Tyne, UK.